

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 JULY 2016

# Jangan terjerat dengan mainan Dr M

BH - 16/7/2016

## Komentari



**Shahbudin Embun**

Ahli Jawatankuasa Pemandu  
Majlis Perundangan  
Melayu Malaysia

Nampaknya tidak ada lagi yang pelik di negara ini. Begitu lah gambaran suasana politik di Malaysia. Nampaknya dalam seminggu dua ini, isu peranan dimainkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad dalam memimpin gerakan anti Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan terus jadi perhatian semua.

Apa yang penulis perasan ialah ramai pemimpin dan penyokong UMNO berlumba-lumba menghentam apa yang dilakukan Dr Mahathir sebagai memalukan, memuahkan serta tidak menggambarakan peribadi seorang negarawan. Bahkan ramai juga yang ramal gerakan diketuai oleh Dr Mahathir ini akan hilang bagai ditiup angin apabila menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 nanti.

Ya, tidak ada salahnya menyatakan pandangan kita menyokong pimpinan Najib sebagai Perdana Menteri. Maafkan penulis terlebih dahulu, tetapi penulis rasa penyokong yang mempertahankan kedudukan Najib perlu bertindak dengan lebih bijak.

Perlu diingatkan bahawa Dr Ma-

hathir adalah seorang 'player' yang sudah lama bermain permainan ini. Beliau sanggup berkorban biar dirinya dikritik, dihina dan dikutuk, asalkan matlamatnya tercapai. Dalam hal ini, mungkin kita tidak boleh membandingkan taktikal bola sepak dan politik. Tetapi apa salahnya kita ambil iktibar daripada salah seorang bekas pengurus bola sepak terkenal di dunia.

### Rela serap semua tekanan

Jika penulis masih ingat, ketika Sir Alex Ferguson menjadi pengurus Manchester United, beliau teruk dikritik dan dikeji musuhnya, tetapi pasukan bimbingannya hampir setiap tahun memenangi piala. Ferguson biar dirinya dibenci, tetapi pada masa sama pemainnya melakukan apa yang perlu di atas padang. Ferguson ambil semua tekanan supaya pemainnya dapat beraksi cemerlang tanpa perlu fikir segala yang negatif mengenai kelab itu.

Dr Mahathir mungkin guna taktik yang sama. Ketika kita semua bersungguh-sungguh menaip me-

ngutuk tindakannya, orang suruhan beliau terus main peranan melaksanakan agenda mereka.

Contohnya, golongan ini akan memastikan pertarungan di media sosial akan dimenangi oleh puak ini. Bagaimana dengan yang menyokong Najib? Adakah panglima papan kekunci Barisan Nasional (BN) khasnya dari UMNO sudah bersedia bertarung di media sosial?

Sememangnya sejarah membuktikan bukan mudah menundukkan UMNO dan juga BN. Sungguhpun begitu, penyokong UMNO tidak boleh bersandar semata-mata dengan rekod lama. Bagi penulis, 'bertindak itu adalah lebih baik daripada hanya berkata-kata.'

Memang mudah mengutuk gandingan kekok Mahathir-Lim Kit Siang-Azmin Ali. Di sini penulis perlu ingatkan sekali lagi bahawa di Malaysia ini tidak ada yang pelik atau mustahil apabila mempercakapkan mengenai politik.

Pengalaman adalah sebaik-baik guru dan lihat sahaja apa yang berlaku berpuluh tahun dahulu. Mereka yang dijangka jadi pe-

mimpin terus kecundang, manakala yang tidak ada harapan boleh buat kejutan. Itu sebabnya dalam permainan politik, sebaik sahaja kita pandang rendah kepupayaan 'otai-otai' ini yang sudah dianggap lapuk, maka ada kemungkinan besar, kita sendiri yang kecundang.

Adakah ini langkah terakhir atau 'last card' Dr Mahathir untuk jatuhkan Najib? Mungkin juga. Apatah lagi beliau sudah keluar dari UMNO dan merasakan tindak tanduknya tidak lagi penting dari perspektif UMNO. Ini pernah dijelaskan oleh Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein bahawa "Dr Mahathir sudah keluar dari UMNO dan mula bergabung dengan pembangkang, justeru tindak-tanduknya pasti tidak ambil kira kepentingan UMNO".

Seorang lagi Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi juga menegaskan bahawa adalah penting untuk semua ahli, tidak kira dalam UMNO mahupun BN terus bersatu mempertahankan pentadbiran kerajaan hari ini yang dipilih secara demokratik.